

ABSTRAK

Penyelidikan ini mengkaji secara khusus *manhaj* dakwah seorang tokoh tasawuf kelahiran Iskandariah, Mesir iaitu al-Saykh Ibn ‘Atā’ Allāh al-Sakandariy (w709H/1309M) dan pengaruh *manhaj* tersebut di Malaysia. Tujuan kajian ini dilakukan ialah untuk mencirikan *manhaj* dakwah al-Sakandariy, menghuraikan pendekatan *manhaj tarbawiy shūfiy* dalam mendidik murid-muridnya, mengenal pasti pengaruh *manhaj* dakwah beliau di Malaysia, menyorot peranan beberapa ulama Melayu dalam mengembangkan pengaruh *manhaj* dakwah al-Sakandariy di Malaysia dan akhir sekali meninjau pengaruh *manhaj* dakwah beliau berdasarkan tarekat *Shādhiliyyah* di Malaysia. Kajian ini menggunakan metode kajian kepustakaan dan juga sedikit kajian lapangan. Kajian berhubung *manhaj* dakwah al-Sakandariy dan pengaruh *manhajnya* di Malaysia telah dilakukan menerusi dua medium utama, iaitu menerusi karya-karya penulisannya dan tarekat *Shādhiliyyah* yang diwarisi kepimpinannya daripada gurunya al-Saykh Abū al-‘Abbās al-Mursiy (w686H). *Al-Hikam al-‘Atā’iyyah* digunakan sebagai sumber utama kajian. Di samping itu, karya-karyanya yang lain seperti *Allāh: al-Qaṣd al-Mujarrad fī Ma’rifat al-Ism al-Mufrad, Tāj al-‘Arūs al-Hādī* (atau *al-Hāwī*) li *Tahdhīb al-Nūfūs, Laṭā’if al-Mīnān fī Manāqib al-Sayyk Abī al-‘Abbās al-Mursiy wa Syaykhiḥ Abī al-Ḥasan al-Shādhiliyy*, *al-Tanwīr fī Isqāt Tadbīr Kulli Tadbīr Yūkhriju ‘an Maqāṣid al-Syarī‘ah, I’wān al-Tawfiq fī Ādāb al-Tariq* dan *Miftāḥ al-Falāḥ wa Misbāḥ al-Arwāḥ fī Dhikr Allāh al-Karīm al-Fattāḥ* dan kitab-kitab *syūrūḥ al-Hikam al-‘Atā’iyyah* yang pelbagai seperti *Iqāz al-Himām* karya al-Sayyk Ibn ‘Ajibah turut digunakan sebagai pengukuhan dan penghuraian. Dapatkan kajian ini dibentangkan dalam enam bab untuk membina kerangka teori dan latar belakang bagi menghurai dan menjawab keperluan permasalahan kajian. Bab Satu mengemukakan kerangka teori berhubung *manhaj* dakwah. Bab Dua mengemukakan dua latar belakang utama. Pertama, latar belakang zaman al-Sakandariy seperti latar belakang politik, sosial, agama dan kebudayaan. Kedua, latar belakang keluarga, pengajian dan ketokohan al-Sakandariy. Bab Tiga pula membincangkan *manhaj-manhaj* dakwah al-Sakandariy, iaitu *manhaj tazkiyat al-nafs, mujāhadah al-nafs*, dan *targhib* dan *tarhib*. Sementara Bab Empat membicarakan tentang pengaruh *manhaj* dakwah al-Sakandariy di Malaysia. Bab Penutup mengemukakan rumusan dan cadangan kajian. Dapatkan kajian (*findings*) ini menunjukkan bahawa *manhaj* dakwah al-Sakandariy amat berkesan dalam mendidik murid-muridnya, sama ada murid-murid dalam tarekat *Shādhiliyyah* mahupun pengkaji-pengkaji dan pelajar yang mentelaah kitab *al-Hikam al-‘Atā’iyyah* yang bukan pengikut tarekat *Shādhiliyyah*. Kajian ini juga mendapati bahawa pengaruh *manhaj* dakwah al-Sakandariy di Malaysia adalah sangat besar terutamanya menerusi penyebaran kitab *al-Hikam al-‘Atā’iyyah*. Ini berdasarkan luasnya penggunaan kitab *al-Hikam* di kalangan ulama di Malaysia terutamanya dalam sistem pengajian tradisional. Cetakan kitab *Hikam Melayu* yang mencecah puluhan kali sejak ia diperkenalkan sehingga kini membuktikan kenyataan ini. Pengaruh yang luas itu dibuktikan juga oleh banyaknya sistem pengajian tradisional yang besar di Malaysia yang menjadikan *al-Hikam* sebagai kitab pengajian. Demikian juga sebilangan besar alim ulama tersohor Malaysia seperti al-Sayyk ‘Abd al-Šamad Pulai Chondong, Tuan Tabal dan Tuk Kenali, mempunyai kaitan rapat dengan kitab tersebut.

ABSTRACT

This research was carried out to study the *manhaj da'wah* of a great scholar of *taṣawwuf* al-Syaykh Ibn 'Atā' Allāh al-Sakandariy (d.709H/1309 A.D) who was born in Alexandria, Egypt and its influence in Malaysia. The objectives of this study are to characterize the *manhaj* dakwah al-Sakandariy, elaborate the approach of the *manhaj tarbawiyy sūfiyy* in the upbringing of his students, identify the influence of his *manhaj da'wah* in Malaysia, enlighten the roles played by the Malay scholars in spreading his *manhaj da'wah* in Malaysia and finally, to appreciate his role and influence through the tarekat *Syādhiliyyah* in Malaysia. The findings were derived mainly from library research method as well as from some field studies. The study on *manhaj da'wah* of al-Sakandariy and its influence in Malaysia was carried out through two mediums, namely his writings as well as from the tarekat *Syādhiliyyah* itself in which its leadership was passed down to him by his teacher, al-Syaykh Abū al-'Abbās al-Mursiy (d.686H). *Al-Hikam al-'Atā'iyyah* was the main source used. Besides his other writings such as *Allah: al-Qasd al-Mujarrad fi Ma'rifat al-Ism al-Mufrad*, *Tāj al-'Arūs al-Hādi li Tahdīb al-Nūfūs*, *Laṭā'iif al-Mīnān fi Manāqib al-Syaykh Abī al-'Abbās al-Mursiy wa Syaykhīh Abī al-Hasan al-Syādhiliyy*, *al-Tanwīr fi Isqāt Tadbīr Kulli Tadbīr Yukhrīju 'an Maqāṣid al-Syāri'i ah*, *Inwān al-Tawfiq fi Ādāb al-Tariq* and *Miftāh al-Falāḥ wa Miṣbāh al-Arwāh fi Dhikr Allāh al-Karīm al-Fattāḥ* as well as the various writings of *syurūh al-Hikam al-'Atā'iyyah* such as the *Iqāz al-Himam* by al-Syaykh Ibn 'Ajibah were also used for strengthening and education of the *manhaj*. The findings of the study was presented in six chapters in order to develop theoretical framework and background information for elaborating and satisfy the call of the problem area. The first chapter is the introduction to the theoretical framework of the *manhaj da'wah* itself. Chapter two focuses on two settings; firstly, the flashback on al-Sakandariy era, including the political, social, religion and cultural backgrounds; secondly, the flashback on al-Sakandariy's family, education and personal charisma. Third chapter meanwhile focuses on the various *manhaj da'wahs* of al-Sakandariy such as the *manhaj tazkiyat al-nafs*, *mujāhadah al-nafs* and *targhib* and *tarhib*. While chapter four focuses on the influence of *manhaj da'wahs* of al-Sakandariy in Malaysia. The closing chapter then concluded with conclusion and recommendations. The result of this study revealed that the *manhaj da'wah* of al-Sakandariy was indeed a very effective teaching tool to its students, regardless whether the students were in the tarekat *Syādhiliyyah* itself or to students and researchers who studied the *al-Hikam al-'Atā'iyyah*, even though they themselves were not the followers of the tarekat *Syādhiliyyah*. The study also uncovered the great influence of *manhaj da'wah* al-Sakandariy in Malaysia particularly through the dissemination of *al-Hikam al-'Atā'iyyah*. This is based on the wide usage of the kitab *al-Hikam* among Malaysian ulama especially in the traditional learning system. The publication of the kitab *Hikam Melayu* which was reprinted several tens of times since it was first introduced, gives evidence to the truth of this statement. The great influence was also proven by the fact that many major traditional learning systems in Malaysia adopt *al-Hikam* as main text book. Similarly, large proportion of the widely acclaimed ulama in Malaysia such as al-Syaykh 'Abd al-Šamad Pulai Chondong, Tuan Tabal and Tuk Kenali, have intimate association with this book.

ملخص البحث

هذا البحث يدرس منهج الشيخ ابن عطاء الله السكندرى (ت ١٣٠٩ هـ / ٢٠٠٩ م) - أحد كبار الصوفية من مدينة الإسكندرية - في الدعوة إلى الله ونفوذه في ماليزيا. ومهدف الدراسة إلى التعرف على منهج الشيخ ابن عطاء الله السكندرى في الدعوة إلى الله، وأساليبه التربوية الصوفية في تربية مریديه، ومعرفة نفوذه في ماليزيا، وكذلك التعرف على دور بعض الصوفية الملايوين في نشر منهج السكندرى في الدعوة في ماليزيا وأخيراً التعرف على نفوذه من خلال الطريقة الشاذلية. قد اعتمدت الدراسة على منهجين؛ منهج مكتبي وميداني. ثُمَّ تمت الدراسة النظرية لمنهج الشيخ السكندرى في الدعوة ونفوذه بماليزيا من خلال مؤلفاته والطريقة الشاذلية التي ورثها من أستاذه الشيخ المرسى (ت ٦٨٦ هـ). وكانت الحكم العطائية الاعتماد الأساسي في هذه الدراسة إلى جانب كتبه الأخرى من أمثل: الله القصد المجرد في معرفة الاسم المفرد، واج العروس الهاדי لتهذيب النفوس، ولطائف الملن في مناقب الشيخ أبي العباس المرسى وشيخه أبي الحسن الشاذل، والتباير في إسقاط كل تدبیر يخرج عن مقاصد الشريعة، وعنوان التوفيق في آداب الطريق، ومفتاح الفلاح ومصباح الأرواح في ذكر الله الكريم الفتاح. وذلك إلى جانب كتب شروح الحكم العطائية المتعددة مثل إيقاظ الحمم من تأليف الشيخ ابن عجيبة. وينقسم هذا البحث إلى مقدمة وأربعة أبواب وخاتمة. الباب الأول يبحث عن النظرية العامة لمنهج الدعوة إلى الله. والباب الثاني يدرس الخلفيات لعهد الشيخ السكندرى مثل الحالة السياسية والاجتماعية والدينية والثقافية وكذلك يدرس خلفيات الشيخ السكندرى نفسه مثل الدراسة عن أسرته ونسبه وتعلمها للعلم وشخصية العلمية والقيادية. وأما الباب الثالث فيدرس منهج الشيخ السكندرى في الدعوة إلى الله مثل منهج تزكية النفس ومنهج مجادة النفس ومنهج الترغيب والترهيب. وأما الباب الرابع فيدرس عن نفوذ منهج الشيخ السكندرى في ماليزيا. ويتناول باب الخامسة خلاصة البحث والتوصيات. فقد جاءت الدراسة بإثبات بأن منهج الشيخ السكندرى في الدعوة منهج مؤثر إلى حد كبير في تربية مریديه ، سواء أكانوا من مریديه في الطريقة الشاذلية أم من قراء كتبه ومحبيه من غير أتباع الطريقة الشاذلية. وأما عن نفوذه في ماليزيا فثبتت الدراسة كذلك بأنه لكثير إلى حد بعيد وخاصة من خلال انتشار كتابه الحكم العطائية . وقد دل على ذلك استخدامه في نطاق واسع لدى العلماء الملايوين وخاصة في نظام المدارس الدينية القديمة حتى طبع كتاب الحكم الملايوية عشرات مرة منذ التعريف به في ماليزيا. كما دل على ذلك أيضاً ارتباط عدد كبير من العلماء الملايوين الكبار مثل الشيخ عبد الصمد فولي شوندونج وتوان تابل وتو كتالي بذلك الكتاب ارتباطاً وثيقاً.